

**KESEDARAN KEPELBAGAIAN DAN HUBUNGAN DENGAN TINGKAH  
LAKU DALAM KALANGAN STAF SOKONGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI  
MALAYSIA, SKUDAI**

**NURIN HAMIZAH BINTI ISNIN**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

KESEDARAN KEPELBAGAIAN DAN HUBUNGAN DENGAN TINGKAH LAKU  
DALAM KALANGAN STAF SOKONGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI  
MALAYSIA, SKUDAI

NURIN HAMIZAH BINTI ISNIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia).

Fakulti Pengurusan  
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2014

## DEDIKASI

*Terima kasih kepada Allah S.W.T.,  
keluarga tercinta, pensyarah-pensyarah yang disanjung  
serta rakan-rakan seperjuangan.*

Terima kasih atas segalanya.

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, terima kasih dan syukur kehadiran Allah SWT, Tuhan Semesta Alam, Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang yang memberikan keizinan-Nya untuk membolehkan dan memudahkan perjalanan penulisan Disertasi ini.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Nur Naha Abu Mansor, selaku penyelia Disertasi atas nasihat, dorongan, galakan dan sokongan beliau dalam melengkapkan Disertasi ini. Terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Rozeyta Omar dan Dr. Hashim Fauzy Yaacob selaku pemeriksa yang telah banyak memberikan bantuan dalam menyiapkan dan melengkapkan Disertasi ini.

Selain itu, ribuan terima kasih kepada ahli keluarga tercinta terutama ibu dan ayah, serta rakan-rakan seperjuangan atas sokongan mereka, pandangan, hasrat dan pengorbanan secara langsung atau tidak langsung.

## ABSTRAK

Kepelbagaian merupakan satu topik penting dalam era globalisasi ini. Sebelum memahami tentang kepelbagaian, kita perlu mempunyai kesedaran kepelbagaian kerana ia akan memberi pengaruh kepada cara kita berfikir dan tingkah laku yang akan dipamerkan menerusi sikap kita. Kesedaran kepelbagaian adalah penting kepada pekerja-pekerja di mana-mana industri terutamanya industri pendidikan kerana ia diperlukan untuk memberi perkhidmatan dan berinteraksi serta berkomunikasi dengan baik dengan pelajar-pelajar antarabangsa yang pelbagai. Jika tahap kesedaran kepelbagaian yang dimiliki adalah tinggi, maka perkhidmatan yang akan diberikan adalah baik tetapi sebaliknya yang berlaku jika tahap kesedaran kepelbagaian adalah rendah. Maka satu program atau aktiviti yang akan meningkatkan kesedaran perlu dilaksanakan. Kesedaran kepelbagaian akan mempengaruhi tingkah laku seseorang. Oleh itu, masalah yang timbul adalah apakah tahap kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf, apakah hubungan antara dimensi-dimensi kesedaran kepelbagaian dan tingkah laku, apakah hubungan antara kesedaran kepelbagaian (secara kumulatif) dan tingkah laku serta apakah pengaruh kesedaran kepelbagaian terhadap tingkah laku. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf, hubungan antara dimensi kesedaran kepelbagaian dan tingkah laku, hubungan antara kesedaran kepelbagaian (secara kumulatif) dan tingkah laku serta pengaruh kesedaran kepelbagaian kepada tingkah laku. Soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada staf sokongan di UTM, Skudai. Hasil daripada kajian ini ialah tahap kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf sokongan adalah sederhana, terdapat hubungan yang positif antara dimensi kesedaran kepelbagaian dan tingkah laku, terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran kepelbagaian (secara kumulatif) dan tingkah laku serta kesedaran kepelbagaian mempengaruhi tingkah laku.

## ABSTRACT

Diversity is an important topic in this globalization era. Before understanding diversity, we need to have diversity awareness since it will influence our way of thinking and behaving which will be displayed through our attitudes. Diversity awareness is important to workers working in any industries especially education since it is needed to provide service and communicate well with diverse international students. If higher diversity awareness level, then the service provided will be good but if the diversity awareness level is lower, then a program or an activities that will increase awareness should be implemented. The diversity awareness will influence one's behavior. So the problems occur are what is the level of diversity awareness among support staff, what is the relationship between dimension of diversity awareness and behavior, what is the relationship between the entire diversity awareness and behavior, and lastly, will diversity awareness influence behavior towards international student's diversity. Therefore the objectives are to determine level of diversity awareness among support staff, the relationship between dimension of diversity awareness and behavior, the relationship between the entire diversity awareness and behavior and also the influence diversity awareness give to behavior. Questionnaire has been prepared and being distributed to support staff in UTM, Skudai. The outcomes of the research are the level of diversity awareness is medium; there are positive relationship between dimension of diversity awareness and behavior, there are significance relationships between the entire diversity awareness and behavior and diversity awareness influence behavior.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang kajian	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	9
	1.5 Objektif Kajian	10
	1.6 Skop Kajian	11
	1.7 Kepentingan Kajian	11
	1.8 Batasan Kajian	12
	1.9 Definisi Istilah Konseptual	12
	1.9.1 Kepelbagaian	12
	1.9.2 Kesedaran Kepelbagaian	13
	1.9.3 Sikap	13
	1.9.4 Tingkah Laku	14
	1.10 Definisi Istilah Operasional	14
	1.10.1 Kepelbagaian	14
	1.10.2 Kesedaran Kepelbagaian	14
	1.10.3 Sikap	15
	1.10.4 Tingkah Laku	15
	1.11 Kesimpulan	15
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
	2.1 Pengenalan	17
	2.2 Kepelbagaian	18
	2.2.1 Dimensi dan Model Kepelbagaian	20
	2.2.2 Kepelbagaian di Institusi Pendidikan	

	Tinggi di Malaysia	24
2.3	Sikap ( <i>Attitude</i> )	28
2.3.1	Model Sikap	30
2.3.1.1	Kesedaran Kepelbagaian (Domain Afektif)	33
2.3.1.1.1	Kesedaran Bangsa ( <i>Race Awareness</i> )	37
2.3.1.1.2	Kesedaran Bahasa ( <i>Language Awareness</i> )	39
2.3.1.1.3	Kesedaran Etnik ( <i>Ethnic Awareness</i> )	41
2.3.1.1.4	Kesedaran Budaya ( <i>Cultural Awareness</i> )	42
2.3.1.2	Tingkah Laku (Domain Konatif)	45
2.3.1.2.1	Tingkah Laku Positif	47
2.3.1.2.1.1	Hormat ( <i>Respect</i> )	48
2.3.1.2.1.2	Toleransi ( <i>Tolerance</i> )	49
2.3.1.2.1.3	Keterbukaan ( <i>Openness</i> )	50
2.4	Pembinaan Hipotesis	51
2.5	Rumusan	53
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.3	Lokasi Kajian	60
3.3.1	Latar Belakang Tempat Kajian	60
3.4	Populasi Kajian	61
3.5	Sampel Kajian	62
3.6	Persampelan Kajian	62



3.6.1	Persampelan Kebarangkalian ( <i>Probability Sampling</i> )	63
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	65
3.8	Instrumen Kajian	65
3.8.1	Bahagian A: Maklumat Demografi	66
3.8.2	Bahagian B: Tahap Kesedaran Kepelbagaian dalam kalangan Staf Sokongan UTM terhadap Pelajar Antrabangsa	66
3.7.3	Bahagian C: Tingkah Laku yang dipamerkan oleh Staf Sokongan kepada Pelajar Antarabangsa	67
3.9	Kajian Rintis	69
3.9.1	Kebolehpercayaan	70
3.9.2	Kesahan	72
3.10	Ujian Analisis	72
3.10.1	Ujian Taburan Normal ( <i>Normality Test</i> )	73
3.10.2	Ujian Lineariti ( <i>Linearity Test</i> )	77
3.10.3	Ujian Multikolineariti ( <i>Multicollinearity Test</i> )	79
3.10.4	Ujian Korelasi ( <i>Correlation Test</i> )	81
3.11	Analisis Data	82
3.11.1	Analisis Statistik Deskriptif	83
3.11.2	Analisis Statistik Infrensi	85
3.11.2.1	Analisis Regresi Linear Berganda	85
3.12	Kesimpulan	86
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	88
4.2	Demografi Responden	88
4.2.1	Dapatan Demografi	89
4.3	Objektif 1: Mengenalpasti Tahap	

	Kesedaran Kepelbagaian dalam kalangan Staf Sokongan terhadap Kepelbagaian Pelajar Antarabangsa	91
	4.3.1 Dimensi Kesedaran Bangsa	91
	4.3.2 Dimensi Kesedaran Bahasa	93
	4.3.3 Dimensi Kesedaran Etnik	95
	4.3.4 Dimensi Kesedaran Budaya	96-97
	4.3.5 Tahap Keseluruhan Dimensi bagi Kesedaran Kepelbagaian	98
4.4	Objektif 2: Mengenalpasti Hubungan antara Dimensi-dimensi Kesedaran Kepelbagaian dan Tingkah Laku Staf Sokongan terhadap Kepelbagaian Pelajar Antarabangsa	99
4.5	Objektif 3: Mengenalpasti Hubungan antara Kesedaran Kepelbagaian (secara kumulatif) dan Tingkah Laku Staf Sokongan terhadap Kepelbagaian Pelajar Antarabangsa	101
4.6	Objektif 4: Mengenalpasti Pengaruh Kesedaran Kepelbagaian Terhadap Pelajar Antarabangsa dan Tingkah Laku yang dipamerkan oleh Staf Sokongan	103 105
4.7	Kesimpulan	
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	108
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	109
	5.2.1 Latar Belakang Responden	110
	5.2.2 Objektif 1: Mengenalpasti Tahap Kesedaran Kepelbagaian dalam kalangan Staf Sokongan terhadap Kepelbagaian Pelajar Antarabangsa	111

5.2.3	Objektif 2: Hubungan antara Dimensi-Dimensi Kesedaran Kepelbagaian dan Tingkah Laku Staf Sokongan (PSZ dan HEMA Pusat) UTM Skudai	113
5.2.4	Objektif 3: Hubungan antara Kesedaran Kepelbagaian (secara Kumulatif) dan Tingkah Laku dalam kalangan Staf Sokongan (PSZ dan HEMA Pusat) UTM Skudai	115
5.2.5	Objektif 4: Pengaruh Kesedaran Kepelbagaian terhadap Tingkah Laku Staf Sokongan (PSZ dan HEMA Pusat) UTM Skudai	116
5.3	Sumbangan Kajian	117
5.4	Batasan Kajian	119
5.5	Cadangan	120
5.5.1	Cadangan kepada Pengkaji Akan Datang	120
5.5.2	Cadangan kepada Organisasi	121
5.5.3	Cadangan kepada Pekerja (Staf Sokongan)	122
5.6	Kesimpulan	123
	<b>RUJUKAN</b>	126
	<b>LAMPIRAN A</b>	148
	<b>LAMPIRAN B</b>	149
	<b>LAMPIRAN C</b>	157
	<b>LAMPIRAN D</b>	160

## SENARAI JADUAL

JADUAL NO.	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skor Kenyataan Borang Soal Selidik Skala Likert Empat Mata	67
3.2	Skor Kenyataan Borang Soal Selidik Skala Likert Empat Mata	68
3.3	Taburan Pembahagian Soalan Borang Soal Selidik	68-69
3.4	Penjelasan Nilai <i>Cronbach's Alpha</i>	71
3.5	Dapatan Kajian Rintis	71
3.6	Dapatan bagi Ujian Kolineariti	80
3.7	Hubungan Korelasi antara Pembolehubah	81
3.8	Teknik Analisis Data	82-83
3.9	Tahap Persetujuan berdasarkan Julat Min	84
4.1	Dapatan Demografi berdasarkan Frekuensi dan Peraturan	90
4.2	Statistik Deskriptif Dimensi Kesedaran Bangsa	91-92
4.3	Statistik Deskriptif Dimensi Kesedaran Bahasa	93
4.4	Statistik Deskriptif Dimensi Kesedaran Etnik	95
4.5	Statistik Deskriptif Dimensi Kesedaran Budaya	96
4.6	Statistik Deskriptif Keseluruhan Kesedaran Kepelbagaian	98
4.7	Hubungan antara Kesedaran Bangsa dan Tingkah Laku	99
4.8	Hubungan antara Kesedaran Bahasa dan Tingkah Laku	100

4.9	Hubungan antara Kesedaran Etnik dan Tingkah Laku	100
4.10	Hubungan antara Kesedaran Budaya dan Tingkah Laku	101
4.11	Hubungan antara Kesedaran Kepelbagaian dan Tingkah Laku	102
4.12	Ringkasan Model Analisis Regresi Linear Berganda bagi Pembolehubah Tidak Bersandar (Kepelbagaian Kesedaran) terhadap Tingkah Laku Hormat	103
4.13	Ringkasan Model Analisis Regresi Linear Berganda bagi Pembolehubah Tidak Bersandar (Kepelbagaian Kesedaran) terhadap Tingkah Laku Toleransi	104
4.14	Ringkasan Model Analisis Regresi Linear Berganda bagi Pembolehubah Tidak Bersandar (Kepelbagaian Kesedaran) terhadap Tingkah Laku Keterbukaan	105
4.15	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian	107

## SENARAI RAJAH

RAJAH NO.	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Model Perbezaan Iceberg	22
2.2	Model Empat Lapisan Kepelbagaian	23
2.3	Model Tiga Komponen Sikap	30
2.4	Model Tiga Komponen Sikap yang akan digunakan bagi kajian	33
2.5	Model Siri Perubahan Pembangunan Kesedaran	36
2.6	Kerangka Konseptual yang dicadangkan	55
3.1	Carta Aliran bagi Pelaksanaan Kajian	59
3.2	Proses Prosedur Persampelan Kebarangkalian	64
3.3	Histogram bagi Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar (Tingkah Laku Hornat)	74
3.4	Histogram bagi Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar (Tingkah Laku Toleransi)	74
3.5	Histogram bagi Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar (Tingkah Laku Keterbukaan)	75
3.6	Plot Normal P-P bagi Pembolehubah Tidak	

	Bersandar dan Pembolehubah Bersandar (Tingkah Laku Hormat)	75
3.7	Plot Normal P-P bagi Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar (Tingkah Laku Toleransi)	76
3.8	Plot Normal P-P bagi Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar (Tingkah Laku Keterbukaan)	76
3.9	Plot Serakan “ <i>Standardized Residual</i> ” bagi Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar (Tingkah Laku Hormat)	78
3.10	Plot Serakan “ <i>Standardized Residual</i> ” bagi Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar (Tingkah Laku Toleransi)	78
3.11	Plot Serakan “ <i>Standardized Residual</i> ” bagi Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar (Tingkah Laku Keterbukaan)	79

**SENARAI SINGKATAN**

DAP	-	Profil Kesedaran Kepelbagaian ( <i>Diversity Awareness Profile</i> )
HEMA	-	Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institut Pengajian Tinggi Swasta
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
MAS	-	Skala Kesedaran Multikultural ( <i>Multicultural Awareness Scale</i> )
PSZ	-	Perpustakaan Sultanah Zanariah
UNESCO	-	<i>United Nations Education Science and Cultural Organization</i>
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia



**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Jadual Populasi Krejcie dan Morgan	148
B	Borang Soal Selidik	149
C	Ujian Normaliti (Histogram dan QQ-Plot) bagi Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar	157
D	Ujian Lineariti Plot Serakan “ <i>Standardized Residual</i> ” bagi Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar	160

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan**

Kepelbagaian (*diversity*) adalah satu set kesedaran pengalaman hidup termasuklah memahami dan menghormati saling kebergantungan antara manusia, budaya dan alam semulajadi (Kiser dan Scobey, 2010). Subjek mengenai kepelbagaian yang merangkumi aspek jantina, etnik, bangsa, bahasa, budaya, agama, dan lain-lain masih terus dibahaskan lebih 30 tahun yang lalu biarpun antropologi atau kaji manusia tentang kepelbagaian budaya telah dilakukan hampir 150 tahun (Jonsen *et al.*, 2011). Hal ini membawa kepada kewujudan dan penggunaan beberapa terma seperti kesedaran kepelbagaian (*diversity awareness*), pengurusan kepelbagaian (*diversity management*), kepelbagaian tenaga kerja (*workforce diversity*) dan kepelbagaian budaya (*multicultural*).

Kajian yang dilakukan sebelum ini telah banyak menyumbang kepada kesedaran dan pengurusan kepelbagaian yang berkesan tetapi pelaksanaannya adalah terhad (Maxwell *et al.*, 2001; Cox, 2001). Keberkesanan kesedaran kepelbagaian bukan sahaja bergantung kepada seseorang individu tetapi juga di atas kejayaan pengurusannya di mana pengurusan kepelbagaian telah dikarakterkan sebagai satu isu yang strategik, iaitu penting kepada kejayaan ekonomi dan persaingan. Persaingan ekonomi dunia telah menyebabkan berlakunya peningkatan pemindahan sumber manusia dan kepelbagaian bahasa, etnik dan budaya dalam sesebuah

pertubuhan atau organisasi (Awang-Rozaimie *et al.*, 2011). Isu kepelbagaian semakin menjadi tumpuan dan mendapat perhatian kebelakangan ini disebabkan peningkatan globalisasi yang mengakibatkan berlakunya perubahan tenaga kerja dan pertambahan golongan minoriti dalam sesebuah organisasi atau negara (Kwak, 2003).

Walaupun banyak perhatian diberikan kepada isu kepelbagaian, tetapi ia lebih banyak tertumpu di Amerika Syarikat di mana ia seringkali melibatkan golongan penduduk majoriti yang berkulit putih dan golongan penduduk minoriti yang berlainan warna kulit seperti penduduk kulit hitam, Asia, dan lain-lain. Selain itu, kajian di Amerika Syarikat juga seringkali menekankan mengenai kepelbagaian budaya, bangsa dan etnik seseorang individu sama ada dalam sesebuah organisasi atau di dalam kampus (Milem *et al.*, 2005). Di samping itu terdapat juga kajian yang dijalankan mengenai kepelbagaian dari sudut perspektif antarabangsa yang membincangkan mengenai literatur-literatur yang berkaitan dengan kepelbagaian (Jonsen, 2011).

Justeru itu, walaupun banyak perhatian diberikan kepada kepelbagaian tenaga kerja dan pengurusannya, pada masa yang sama pelaksanaan dan kajian mengenai kesedaran kepelbagaian perlulah diberi penekanan dan perhatian yang seimbang. Hal ini disebabkan kesedaran kepelbagaian yang membolehkan pengurusan kepelbagaian dirancang dan dijalankan dengan lancar. Sebagai contoh, Bae dan Clark (2005) serta Jones (2005) menyatakan terdapat 20 cara untuk menyatukan kesedaran kepelbagaian di dalam kelas yang membolehkan pelajar berbilang bangsa dan identiti belajar bersama dan bekerjasama di antara satu sama lain. Penyatuan kesedaran kepelbagaian di dalam kelas bukan sahaja bergantung kepada pelaksanaan tugas seseorang guru tetapi juga memerlukan kerjasama daripada pelajar dan penglibatan ibu bapa serta semua staf di sesebuah kampus. Pelaksanaan penyatuan kesedaran kepelbagaian itu boleh diadaptasi dan digunakan di sesebuah organisasi untuk memastikan kelangsungan pekerjaan dan perkhidmatan yang diberikan.

Seterusnya, terdapat kajian mengenai kesedaran kepelbagaian yang dijalankan tetapi lebih tertumpu kepada mempromosikan mengenai kesedaran kepelbagaian (Pekeur, 2002; Edwards *et al.*, 2009; Pekeur dan Bayat, 2012).

Kesedaran kepelbagaian perlu dipromosi kerana kadangkala kita tidak menyedari mengenai kepelbagaian di sekeliling kita dan kurang peka kepada persekitaran yang pelbagai menyebabkan timbulnya konflik-konflik dan masalah yang lebih besar. Kajian mengenai kesedaran kepelbagaian juga kadangkala merangkumi keberkesanan program latihan kesedaran kepelbagaian dan kesan serta impak program latihan yang dijalankan (Cavaleros *et al.*, 2002; Sanchez dan Medkik, 2004).

Secara ringkas, kesedaran kepelbagaian adalah penting bagi membolehkan program-program dan aktiviti-aktiviti seperti program latihan dirancang untuk meningkatkan kepentingan kepelbagaian dan dalam masa yang sama untuk membantu seseorang individu dan organisasi untuk mencapai kelebihan daya saing.

## **1.2 Latarbelakang Kajian**

Pengantarabangsaan pendidikan di Malaysia telah memberikan impak dalam sistem pembelajaran di mana mengikut arus globalisasi semasa, pendidikan telah diiktiraf sebagai salah satu medium untuk menyatukan rakyat yang berbilang bangsa, etnik, agama dan negara (Milem *et al.*, 2005). Pengantarabangsaan pendidikan juga telah mengubah hala tuju pembelajaran di Malaysia terutamanya di universiti-universiti yang telah menyediakan dan membuka lebih peluang kepada warganegara asing untuk sama-sama menimba ilmu di Malaysia. Menurut Pandian (2008) dalam kajian beliau, ada dinyatakan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia telah mengambil langkah mentransformasi keadaan pembelajaran dalam pendidikan tinggi di mana menggalakkan dan mengiatkan pengantarabangsaan dan memastikan kemasukan 10%-30% pelajar asing. Ini dapat dibuktikan menerusi visi KPT Malaysia apabila mereka telah mengumumkan cita-cita mereka untuk meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa kepada 60,000 pada 2008.

Pertambahan bilangan pelajar antarabangsa di universiti-universiti di Malaysia menyebabkan staf-staf di universiti perlu berhadapan dan berdepan dengan pelbagai ragam dan kerenah pelajar yang bermacam-macam. Dengan penambahan bilangan pelajar antarabangsa, adalah penting dan perlu untuk sesebuah universiti atau organisasi untuk meletakkan garis panduan dan peraturan bagi membina kesepaduan dan keharmonian ketika perkhidmatan diberikan oleh staf kepada pelajar antarabangsa (Bauman *et al.*, 2005). Kesepaduan dan keharmonian sesuatu tempat kerja di mana perbezaan seseorang bukan sebuah halangan dalam perkhidmatan yang diberikan membolehkan staf memaksimumkan potensi yang dimiliki mereka.

Isu mengenai kepelbagaian telah lama diperkatakan dan dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Terdapat banyak kajian mengenai kepelbagaian telah dijalankan dan lebih tertumpu kepada konteks kepelbagaian dan pengurusannya dalam sesebuah organisasi (Cox, 2001; Agars dan Kottke, 2004; Kono dan Clegg, 2001; Eddy, 2008). Menerusi pengurusan kepelbagaian dalam organisasi yang menekankan aspek kerjasama antara satu sama lain dan tiada diskriminasi atau penindasan berlaku, pengurusan kepelbagaian itu boleh diterapkan dan diaplikasikan dalam pengurusan kepelbagaian di universiti dalam kalangan staf. Hal ini disebabkan kajian mengenai kepelbagaian dalam kalangan staf di universiti amat jarang dijalankan. Walaupun terdapat kajian mengenai kepelbagaian di dalam kelas atau di universiti dilakukan (Gottfredson & Jones, 2001; Richards *et al.*, 2006; Sakka, 2010), ia lebih tertumpu kepada pelajar dan bukannya staf.. Tetapi kajian mengenai kepelbagaian dan kesedaran kepelbagaian terutamanya dalam kalangan staf terhadap kepelbagaian pelajar di Malaysia sangat jarang dilakukan.

Seperti yang kita sedia maklum, bilangan pelajar antarabangsa di universiti-universiti di Malaysia semakin bertambah setiap tahun. Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), bilangan pelajar antarabangsa setakat September 2013 adalah 543 orang pelajar Sarjana Muda daripada jumlah keseluruhan 11,392 orang dan 4,442 orang pelajar Sarjana dan PhD daripada 12,739. Kita dapat melihat jumlah yang besar bagi bilangan pelajar antarabangsa di UTM yang menyebabkan perlunya kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf dan pengurusannya yang efektif bagi membolehkan kelangsungan perkhidmatan yang diberikan bagi menjamin kualiti

perkhidmatan yang diberikan dan dalam masa yang sama memberikan penyelesaian kepada pelajar antarabangsa.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kesedaran kepelbagaian adalah pengetahuan atau pemberitahuan mengenai perbezaan dalam kalangan sesebuah kumpulan atau pertubuhan. Menurut Thomas (1991), kesedaran kepelbagaian memberi fokus kepada mewujudkan kesedaran terhadap penerimaan dan pemahaman kumpulan-kumpulan yang berbeza. Kesedaran kepelbagaian bukanlah mengenai memperkukuhkan perbezaan budaya, pendekatan hubungan manusia mahupun melayan orang secara baik atau membawa mereka bersama-sama tetapi ia lebih kepada penerimaan seseorang di dalam sesebuah organisasi (Kirkman *et al.*, 2013).

Kajian mengenai kesedaran kepelbagaian bukanlah sesuatu yang asing lagi dalam dunia yang semakin mengalami globalisasi dan boleh dibahagikan kepada dua konteks iaitu dari sudut organisasi dan institusi pendidikan (Young *et al.*, 2010). Menurut kajian yang dijalankan oleh Pekeur dan Bayat (2012), di dalam konteks kesedaran kepelbagaian dan pengurusannya di dalam sesebuah projek, ada menyatakan bahawa pengurusan kepelbagaian bukanlah satu idea yang baru kepada pengurusan sesebuah projek. Keberkesanan dan kecekapan sesuatu projek bergantung kepada bagaimana pekerja berinteraksi antara satu sama lain dan bagaimana mereka menggunakan sepenuhnya perbezaan yang dimiliki sebagai kelebihan daya saing. Kesedaran ketua projek terhadap isu kepelbagaian akan memberi kelebihan kepada penerimaan kumpulan yang berbeza justeru menggalakkan anjakan paradigma mengenai kesedaran kepelbagaian dan akan menghasilkan tenaga pekerja yang cekap, komited dan mudah diurus serta memberikan kejayaan projek yang berkualiti tinggi.

Pengurusan kesedaran kepelbagaian di dalam organisasi atau sesebuah projek boleh diaplikasikan dalam pengurusan kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf di mana ia boleh memberikan impak yang positif terhadap pelaksanaan kerja. Akan tetapi, penerimaan inisiatif terhadap kesedaran kepelbagaian dan permasalahan berkaitan kepelbagaian masih lagi belum diiktiraf dan masih lagi tiada orientasi atau langkah-langkah yang diambil untuk mengubah corak pemikiran seseorang terhadap kepelbagaian (Pekeur dan Bayat, 2012; Kormanik, 2009; Pekeur, 2002).

Manakala dalam konteks kesedaran kepelbagaian di institusi pendidikan, kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada guru-guru dan pelajar. Sebagai contoh, kajian yang dibuat oleh Dominick *et al.* (2005) dalam konteks kepelbagaian dalam kelas menyatakan bahawa guru-guru perlu untuk menyedari tentang stereotaip (*stereotype*), etnosentrik (*ethnocentrism*) dan prasangka (*prejudice*) yang berlaku di dalam kelas agar tindakan selanjutnya dapat di ambil. Guru-guru juga perlu membiasakan diri dengan cabaran dan halangan yang akan dihadapi disebabkan oleh kepelbagaian pelajar di dalam kelas. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Sakka (2010) menyatakan bahawa guru-guru mempunyai kesedaran mengenai kepelbagaian budaya dan terdapat kesan positif tentang multikulturalism tetapi dalam masa yang sama, guru-guru tidak mempunyai kemahiran untuk berhadapan dan mengatasi kepelbagaian budaya di dalam kelas. Hal ini kerana tiada pendedahan awal atau kemahiran yang diajar untuk mereka berhadapan dengan situasi yang berbeza tersebut sedangkan dalam kalangan tenaga pengajar, kesedaran kepelbagaian merupakan satu elemen yang penting apabila berhadapan dengan apa juga situasi dan pelajar yang berbeza (Harmon dan Wilson, 2011).

Manakala menurut Cavaleros *et al.* (2002) kesedaran mempunyai kesan terhadap tingkah laku organisasi dan produktiviti di mana ia merupakan proses pertama yang perlu dilakukan dalam mempelajari dan membolehkan seseorang individu memberikan tindak balas yang positif terhadap peluang dan cabaran yang perlu dihadapi dalam sistem yang semakin berubah dan berbeza. Kesedaran terhadap kepelbagaian merupakan peringkat pertama yang membolehkan seseorang individu untuk menangani atau mengatasi sikap negative seperti stereotaip dan prejudis. Walau bagaimanapun, menurut kajian yang dijalankan oleh Shore *et al.* (2009) kebanyakan pekerja atau staf yang berbeza bahasa, bangsa dan budaya mempunyai

kesediaan yang sederhana untuk menerima kepelbagaian dalam kalangan rakan-rakan setugas.

Dalam konteks kepelbagaian pada masa sekarang di institusi akademik, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan sebelum ini tetapi kurang diberi penekanan di mana kajian yang dijalankan adalah tidak secara menyeluruh dan lebih tertumpu kepada negara-negara barat dan sekiranya ada dijalankan di Malaysia, lebih tertumpu kepada pelajar tempatan dan pelajar dari Timur Tengah (Awang-Rozaimie *et al.*, 2011; Littleford, 2013; Smith dan Marling, 2012). Menurut Hite *et al.* (2010), mereka menyatakan kepentingan untuk memasukkan subjek kepelbagaian dalam program Sarjana Muda dan program Sarjana yang diikuti oleh semua pelajar. Hal ini kerana suasana pekerjaan pada masa sekarang yang semakin berubah di mana memerlukan pelajar untuk bekerjasama dan berinteraksi dengan pelbagai ragam manusia tanpa mengira bangsa, bahasa, etnik atau budaya. Selain itu, ia juga boleh mendidik pelajar untuk mempunyai kemahiran yang tinggi bagi membolehkan mereka menceburkan diri dalam pekerjaan yang bersikap global. Manakala, kajian yang dijalankan oleh Blakenship *et al.*, (2010) mengkaji mengenai tahap kesedaran kepelbagaian dalam kalangan pelajar aliran perniagaan di *minority serving institutions* (MSI) terhadap isu kepelbagaian. Kajian ini adalah penting untuk mengetahui sejauh mana kesedaran pelajar mengenai isu kepelbagaian bagi membolehkan penambahbaikan kurikulum berterusan.

Di Malaysia, kajian mengenai kepelbagaian di institusi pendidikan ada dilaksanakan di mana ia menekankan tentang kesedaran kepelbagaian budaya dalam kalangan pelajar Malaysia yang pelbagai etnik dan budaya untuk mengesahkan skala yang digunakan bagi menerangkan tentang pemahaman individu terhadap perbezaan budaya yang dimiliki (Awang-Rozaimie *et al.*, 2011). Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Pandian (2008) adalah mengenai multikulturalism di institusi akademik di mana kajian dijalankan mengenai persepsi dan pengalaman pelajar Timur Tengah di universiti di Malaysia. Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui tentang kesedaran kepelbagaian dan multikulturalism yang mempengaruhi pertumbuhan dan pembangunan pelajar siswazah di Malaysia.



Knopp dan Smith (2005) mengaitkan tentang sikap dan kepercayaan seseorang guru terhadap kepelbagaian bangsa, etnik dan budaya yang memberi kesan terhadap kurikulum, pelajar dan instruktur. Terdapat juga kajian mengenai sikap yang dimiliki oleh guru, pelajar, remaja, penghijrah dan pelarian terhadap kepelbagaian dijalankan untuk mengetahui tentang kesan-kesan sikap yang dipamerkan terhadap seseorang (Vala dan Costa-Lopes, 2010; Fung dan Wong, 2007; Celuch *et al.*, 2009). Selain itu, kajian yang dijalankan oleh van der Zee *et al.* (2009) menekankan tentang kesan komposisi kumpulan dan sikap terhadap kepelbagaian. Manakala kajian oleh Lovett *et al.* (2004) mengkaji mengenai sikap iaitu penerimaan terhadap kepelbagaian dalam kalangan pelajar. Menurut Marvasti dan McKinney (2011), kajian yang dilakukan oleh mereka melihat mengenai sikap yang ditunjukkan oleh pelajar terhadap kepelbagaian di institusi yang mereka ikuti di mana berdasarkan satu pertiga daripada sampel mereka, program kepelbagaian dikaitkan dengan kesamaan, kesatuan dan tiada perbezaan warna. Mereka menganalisa tafsiran kepelbagaian itu sebagai pembinaan wacana yang membolehkan responden mempunyai pandangan progresif dan dalam masa yang sama mempertahankan asimilasi. Di samping itu, kajian oleh Kiser dan Scobey (2010) adalah mengenai sikap pelajar jurusan perniagaan terhadap kesedaran kepelbagaian di *Hispanic Serving Liberal Arts Institution*. Kajian tersebut menggunakan Profil Kesedaran Kepelbagaian (*Diversity Awareness Profile, DAP*) yang diadaptasi daripada Stinson (2007) di mana instrumen itu digunakan untuk memberi peluang kepada seseorang untuk melihat tingkah laku yang ditunjukkan mereka apabila mereka berinteraksi dengan orang lain. Terdapat lima kategori spektrum kesedaran iaitu naïf (*naïve*), *perpetuator*, *avoider*, ejen perubahan (*change agent*) dan pejuang (*fighter*).

Senario di Malaysia menunjukkan berlakunya pertambahan bilangan pelajar antarabangsa setiap tahun di mana ia melibatkan peningkatan kumpulan-kumpulan yang berbeza mengikut negara, bahasa, bangsa, etnik dan budaya. Setiap kumpulan lebih cenderung untuk berinteraksi di antara satu sama lain. Hal ini terjadi disebabkan kecenderungan setiap individu untuk berkomunikasi dalam kalangan mereka disebabkan persamaan yang dimiliki oleh mereka di mana ia memberikan mereka keselesaan seperti berada di negara masing-masing (Milem *et al.*, 2005). Dalam konteks kepelbagaian di universiti terutamanya UTM, memandangkan bilangan pelajar antarabangsa yang semakin meningkat, ia menimbulkan sedikit

permasalahan dan konflik dalam pengurusannya. Isu yang boleh dibangkitkan di dalam kajian ini adalah apakah tahap kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf sokongan UTM terhadap pelajar antarabangsa serta apakah terdapat hubungan dan pengaruh antara kesedaran kepelbagaian dengan tingkah laku yang ditunjukkan. Daripada penerangan yang diberikan mengenai kesedaran kepelbagaian dan tingkah laku, ia menunjukkan terdapat peluang untuk menjalankan kajian disebabkan masih wujud ruang untuk kajian dijalankan dalam kalangan staf sokongan.

Di samping itu, dapat dilihat bahawa kebanyakan kajian mengenai kesedaran kepelbagaian banyak dijalankan di Amerika Syarikat dan negara Eropah dan hanya sedikit yang dijalankan di negara-negara membangun. Selain itu, kajian yang dijalankan di institusi akademik lebih kepada guru-guru dan pelajar. Setakat ini, tiada lagi kajian yang dijalankan ke atas staf sokongan universiti. Kesedaran kepelbagaian adalah penting untuk menghasilkan persekitaran yang lebih kondusif bagi membolehkan pelajar-pelajar antarabangsa meneruskan pengajian di UTM. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf sokongan UTM Skudai terhadap pelajar antarabangsa dan mengenalpasti adakah terdapat hubungan dan pengaruh antara kesedaran kepelbagaian dengan tingkah laku yang dipamerkan.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berikut merupakan persoalan kajian yang akan dikemukakan

- i. Apakah tahap kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf sokongan (PSZ dan HEMA Pusat) UTM Skudai terhadap kepelbagaian pelajar antarabangsa?
- ii. Apakah terdapat hubungan antara dimensi-dimensi kesedaran kepelbagaian terhadap kepelbagaian pelajar antarabangsa dan tingkah laku staf sokongan (PSZ dan HEMA Pusat) UTM Skudai?

- iii. Apakah terdapat hubungan antara kesedaran kepelbagaian terhadap kepelbagaian pelajar antarabangsa (secara kumulatif) dan tingkah laku dalam kalangan staf sokongan (PSZ dan HEMA Pusat) UTM Skudai.
- iv. Apakah pengaruh kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf sokongan (PSZ dan HEMA Pusat) UTM Skudai terhadap tingkah laku yang ditunjukkan kepada pelajar antarabangsa?

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti objektif-objektif berikut;

- i. Untuk mengenalpasti tahap kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf sokongan (PSZ dan HEMA Pusat) UTM Skudai terhadap kepelbagaian pelajar antarabangsa.
- ii. Untuk mengenalpasti hubungan antara dimensi-dimensi kesedaran kepelbagaian terhadap kepelbagaian pelajar antarabangsa dan tingkah laku dalam kalangan staf sokongan (PSZ dan HEMA Pusat) UTM Skudai.
- iii. Untuk mengenalpasti hubungan antara kesedaran kepelbagaian terhadap kepelbagaian pelajar antarabangsa (secara kumulatif) dan tingkah laku dalam kalangan staf sokongan (PSZ dan HEMA Pusat) UTM Skudai.
- iv. Untuk mengenalpasti pengaruh kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf sokongan (PSZ dan HEMA Pusat) UTM Skudai terhadap tingkah laku kepada pelajar antarabangsa.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian yang akan dijalankan ini akan tertumpu kepada staf sokongan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) lebih spesifik lagi staf sokongan di Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) dan Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni – Pusat (HEMA Pusat) yang perlu berhadapan dengan pelbagai kerenah dan ragam pelajar antarabangsa apabila menjalankan tugas mereka dan memberikan khidmat kepada pelajar antarabangsa. Pemilihan PSZ dan HEMA Pusat adalah disebabkan ianya menjadi tumpuan pelajar antarabangsa dan kekerapan kunjungan mereka ke kedua-dua lokasi tersebut serta berdasarkan kaedah persampelan yang digunakan.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian yang akan dijalankan ini diharap dapat memberi nilai tambah, sumbangan idea, panduan kepada bidang ilmu, organisasi, sumber ilmiah dan juga pada pengkaji pada masa akan datang. Kajian ini dilihat penting kepada organisasi bagi menilai tahap kesedaran kepelbagaian dalam kalangan staf sokongan terhadap pelajar antarabangsa serta tingkah laku yang dipamerkan oleh staf sokongan agar ia tidak menimbulkan konflik pada masa hadapan dan memberikan penyelesaian kepada pelajar antarabangsa. Perubahan tingkah laku staf sokongan merupakan tindak balas kepada perubahan yang dilakukan oleh sesebuah organisasi.

Oleh itu, organisasi perlu merancang dan menyediakan aktiviti-aktiviti dan program-program yang bersesuaian bagi membantu staf sokongan untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi kebolehan dan kemahiran mereka dalam menjalankan dan melaksanakan tugas mereka supaya lebih efisien dan produktif. Selain itu, ia bertujuan bagi membantu staf sokongan untuk melengkapkan diri dan membolehkan mereka berkomunikasi dengan lebih efektif dan berkesan apabila

berhadapan dengan pelajar antarabangsa. Di samping itu, ia juga dapat membantu staf sokongan bagi menangani konflik yang timbul dan dalam masa yang sama masih lagi menghormati perbezaan yang dimiliki oleh pelajar antarabangsa.

## **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya akan melibatkan staf sokongan UTM Skudai (PSZ dan HEMA Pusat) yang perlu berhadapan dengan kepelbagaian pelajar antarabangsa dalam melaksanakan dan menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan memandangkan jumlah kepelbagaian pelajar antarabangsa semakin meningkat setiap tahun. Kajian ini juga hanya dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai tanpa melibatkan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain kerana faktor masa yang terhad dalam menyiapkan kajian. Pengecilan skop kajian juga dijangka membantu dalam meningkatkan kepercayaan dan kesahan data.

## **1.9 Definisi Konseptual**

### **1.9.1 Kepelbagaian**

Kepelbagaian menurut Edward *et al.* (2009), membawa dua maksud iaitu pertama, perbezaan dalam karakter atau kualiti di mana tiada persamaan semulajadi antara karakter atau kualiti tersebut antara setiap individu dan kedua, perbezaan di bawah keadaan yang berbeza pada waktu berbeza, atau dalam bahagian yang berbeza. Manakala bagi Kono dan Clegg (2001), kepelbagaian didefinisikan sebagai merangkumi semua perbezaan dan kelainan yang dimiliki oleh seseorang individu

atau sesebuah kumpulan sama ada di institusi akademik, organisasi atau sesebuah pertubuhan.

### **1.9.2 Kesedaran Kepelbagaian**

Kesedaran kepelbagaian memberi makna perihal sedar atau mengetahui apa itu kepelbagaian (perbezaan sifat dan karakter yang berlainan), peranan dan kesannya terhadap masyarakat (Sharma *et al.*, 2009). Ia juga memberi makna mempunyai pengetahuan dan maklumat tentang perbezaan yang dimiliki oleh seseorang individu dan kumpulan yang berbeza (Diller, 2007). Manakala Patreese (2001) memberikan makna kesedaran kepelbagaian sebagai menghormati kelebihan kepelbagaian nilai dan tingkah laku individu terhadap individu lain atau organisasi. Selain itu, menerima bahawa sesuatu budaya mempunyai nilai yang lebih penting dan tingkah laku yang lebih diingini daripada budaya lain.

### **1.9.3 Sikap**

Sikap juga boleh ditakrifkan sebagai kondisi mental yang kompleks yang melibatkan keyakinan dan perasaan serta disposisi untuk bertindak dengan cara tertentu (Ramdahni, 2008). Manakala menurut Pickens (2005), sikap merupakan pemikiran atau kecenderungan seseorang untuk bertindak dengan cara tertentu disebabkan oleh pengalaman dan perangai seseorang individu. Pickens (2005) juga telah merujuk kepada definisi sikap yang diberikan oleh Ajzen (1985) yang mengatakan bahawa sikap sebagai tahap kesediaan mental atau fizikal seseorang yang diorganisasi melalui pengalaman, arahan atau pengaruh dinamik seseorang individu ke atas tindak balas kepada semua keadaan dan situasi yang berkaitan. Menurut beliau sikap adalah hampir sama dengan ciri-ciri personaliti.

### **1.9.4 Tingkah Laku**

Tingkah laku atau kelakuan ditakrifkan sebagai sesuatu yang dilakukan secara berulang-ulang dan boleh diperhatikan (Bicard dan Bicard, 2012). Carlson *et al.*, 2009 menyatakan bahawa terdapat teori mengenai tingkah laku yang dikatakan berbentuk naluri, tidak dapat dipelajari daripada sesiapa tetapi disebabkan oleh kematangan fisiologi atau faktor dalaman. Tingkah laku terbahagi kepada dua tingkah laku positif dan tingkah laku negatif boleh dibina menerusi komuniti yang dianggotai oleh seseorang (Khalim, 2010).

## **1.10 Definisi Operasional**

### **1.10.1 Kepelbagaian**

Kepelbagaian dalam kajian ini merujuk kepada perbezaan yang dimiliki oleh seseorang individu (staf sokongan dan pelajar antarabangsa) yang merangkumi aspek yang boleh dilihat seperti umur, jantina dan bangsa serta aspek yang tidak dapat dilihat seperti etnik, bahasa dan budaya.

### **1.10.2 Kesedaran Kepelbagaian**

Dalam konteks kajian yang dijalankan ia memberi maksud mengetahui, memahami, dan menerima perbezaan dan kelainan yang dimiliki oleh seseorang individu menerusi kesedaran bangsa, kesedaran bahasa, kesedaran etnik dan kesedaran budaya.

### **1.10.3 Sikap**

Sikap dalam kajian ini merujuk kepada dua domain iaitu domain afektif dan domain konatif. Domain afektif akan diwakili oleh kesedaran kepelbagaian yang merangkumi kesedaran bangsa, bahasa, etnik dan budaya manakala domain konatif pula akan diwakili oleh tingkah laku hormat, toleransi dan keterbukaan.

### **1.10.4 Tingkah Laku**

